

02/06/1999

Keadaan politik Kelantan unik

Nasir Hassan

MAMPUKAH Pas mempertahankan Kelantan dalam pilihan raya akan datang? Mungkinkah pula, Barisan Nasional (BN) diterajui Umno akan mengambil alih pentadbiran negeri itu?

Sama ada Pas dapat mempertahankan kedudukan yang dipegangnya sejak pilihan raya 1990 itu, hanya akan dipastikan pada pilihan raya umum nanti.

Banyak pihak yakin BN dapat menambahkan kerusi, sekali gus membentuk kerajaan pada pilihan raya kali ini, melihat kepada sambutan menggalakkan di kalangan rakyat Kelantan terhadap parti itu.

Semua ini akan berlaku jika Umno di Kelantan berpadu dan bersatu tenaga menentang Pas. Kekalahan Umno pada 1990 berpunca daripada perpecahan dalam Umno di negeri itu. Jika ini dapat diperbaiki, keadaan akan berubah.

Di bawah pentadbiran Pas, Umno sepatutnya sedar mereka tidak boleh selama-lamanya dibelenggu corak pemerintahan kerajaan Pas. Keadaan mengecewakan itu turut dirasakan rakyat Kelantan sejak Pas menerajui kerajaan negeri hampir satu dekad lalu.

Pas pula yakin mereka semakin mendapat sokongan bukan saja daripada ahli dan pengundi 'atas pagar', tetapi juga pengikut gerakan reformasi.

Bagi Pas, mereka menganggap, penubuhan Parti Keadilan Nasional (KeADILan) peringkat negeri dan pakatan kerjasama dengan DAP memberi harapan kepada Pas untuk menguatkan lagi pengaruhnya menentang BN pada pilihan raya umum ini. Cuma, perkembangan terbaru yang menunjukkan seolah-olah Pas cuba menyekat keADILan daripada bertanding di banyak kerusi, akan menimbulkan suasana baru di kalangan parti pembangkang.

Setakat ini pakatan itu masih dianggap rapuh, tidak sebagaimana yang berlaku ketika Pas bersama Parti Melayu Semangat 46 (S46) menentang BN pada pilihan raya 1990.

Dari sudut politik, hubungan kerjasama parti pembangkang itu hanya semata-mata untuk menguatkan jentera parti pembangkang menjelang pilihan raya. Pakatan sementara itu tidak lebih daripada strategi untuk memenangi pilihan raya.

Ini kerana parti politik terbabit mempunyai dasar berbeza, terutama apabila pemimpin DAP secara berterus terang menolak pembentukan negara Islam yang diperjuangkan Pas.

Kelantan mempunyai 43 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 14 kawasan Parlimen. Sebanyak 26 kerusi DUN diwakili Pas, manakala selebihnya (17) adalah wakil BN.

Di peringkat Parlimen pula, Umno memperolehi lapan kerusi berbanding Pas enam kerusi saja. Ini berikutan wakil rakyat daripada bekas parti S46 menyertai BN selepas parti itu dibubarkan pada 6 Oktober 1996.

Kerusi 'hadiah' bekas ahli S46 inilah yang membantu menguatkan semangat Umno untuk menawan semula negeri itu daripada tangan Pas, walaupun dengan 'majoriti mudah'.

Keyakinan Umno untuk menawan semula Kelantan pada pilihan raya kali ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah.

Dalam satu kenyataan melalui sebuah akhbar tempatan baru-baru ini beliau berpendapat, ketika ini pembangkang tidak sekuat didakwa sesetengah pihak.

Menurutnya, pembangkang kuat hanya apabila Umno atau BN berpecah. Sebelum ini, Umno pernah berpecah kerana ia dibatalkan pendaftarannya menyebabkan ahli Umno tidak berparti dan apabila Umno Baru ditubuhkan tidak semua orang dapat menyertainya.

"Sekarang senario seperti ini tidak berlaku. Hanya seorang pemimpin dipecat. Itu pun dengan persetujuan semua Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno. Jadi, kalau setakat ini saja yang berlaku, Umno tidak pecah dan pembangkang sukar memanfaatkannya," katanya.

Hasrat BN untuk menawan semula Kelantan tidak lagi menjadi rahsia, malah diperkuatkan oleh kenyataan beberapa pemimpin Umno, termasuk Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat Kelantan pada 14 Januari lalu.

Kenyataan itu disambut semua ahli Umno, lantas menganggapnya ia bukan omong kosong yang tidak mungkin tercapai oleh parti itu. Malah, ia akan berjaya dan menjadi kenyataan sekiranya ahli Umno negeri itu bersatu.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa mengumumkan mengenai wujudnya apa yang dinamakan 'kumpulan empat' yang akan bekerja keras untuk menumbangkan kerajaan Pas di Kelantan.

Kumpulan itu adalah gandingan tenaga muda dan lama dalam Umno negeri ini, termasuk Annuar sendiri; pemimpin veteran Umno, Tengku Razaleigh; Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Paduka Ibrahim Ali.

Rakyat Kelantan sepatutnya berbangga kerana mereka mempunyai dua menteri penuh dan seorang timbalan menteri menganggotai Kabinet yang bertanggungjawab membangunkan negeri ini.

Berdasarkan hakikat ini, Umno melihat sebagai jalan mudah untuk memenangi kerusi dalam pilihan raya nanti jika gandingan itu mampu menunjukkan komitmen terhadap perjuangan parti dan mengetepikan kepentingan diri.

Gandingan mantap ini tentunya bukanlah menjadi omongan kepada ahli Umno di peringkat negeri dalam menghadapi pilihan raya kali ini.

Annuar pernah membayangkan Umno akan dapat merampas 28 daripada keseluruhan 43 kerusi DUN Kelantan pada pilihan raya umum nanti dan mampu membentuk kerajaan BN.

Kenyataan itu berdasarkan pilihan raya percubaan yang diadakan oleh parti itu baru-baru ini di samping sambutan dan kesedaran rakyat Kelantan terhadap Umno sebagai wadah perjuangan orang Melayu.

Kenyataan itu tidak boleh dipandang remeh, kerana suasana politik di Kelantan berbeza berbanding tempat lain. Ia boleh berubah dalam masa singkat.

Sejarah membuktikan BN pernah merampas Kelantan pada pilihan raya umum 1978 berikutan perpecahan Pas dan wujudnya parti Berjasa pada tahun berkenaan.

Bagaimanapun, Pas dapat merampas semula kerajaan negeri itu pada pilihan raya umum 1990 selepas Umno diharamkan dan wujudnya S46 pimpinan Tengku Razaleigh.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor pernah menyatakan dalam satu majlis ceramah sedikit masa dulu, sikap rakyat Kelantan paling unik dalam menukar sesebuah kerajaan.

Menteri Besar di bawah kerajaan Pas sekarang, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tidak banyak membangkitkan isu dalam ceramahnya melainkan memaut pendengar ke arah soal agama dan sesekali mengkritik Kerajaan Pusat secara halus.

Pendekatan agama yang dibawa Nik Abdul Aziz dalam ceramahnya berbeza dengan penceramah lain, termasuk Presiden Pas sendiri, Datuk Fadzil Noor, sebab itu beliau dapat menambat selera pendengar yang condong kepada agama.

Walaupun ramai yang hadir di sesuatu majlis ceramah anjuran parti politik tertentu, tetapi jumlah kehadiran itu tidak mencerminkan sokongan mereka terhadap parti berkenaan.

(END)